

AUDIT ATC-ATO



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4382-audit-atc-ato

INSPRA, 17 Jan 19 - Sekolah Kawalan Trafik Udara (KTU), INSPRA telah melalui audit memperbaharui perlesenan Air Traffic Control-Approved Training Organization (ATC-ATO) oleh Bahagian Inspektorat Trafik Udara (BIT), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) bermula 14 hingga 17 Jan 19. Audit tersebut bertujuan untuk memastikan bahawa Sekolah KTU mematuhi piawaian International Civil Aviation Organization (ICAO) sebagai salah satu pusat latihan Kawalan Trafik Udara bertaraf antarabangsa. Mesyuarat Penutup audit telah disempurnakan oleh Komandan INSPRA, Kol Ben Khedda Adnan bin Yusoff TUDM serta turut dihadiri oleh Ketua Sekolah KTU, Lt Kol Anuar bin Che Hassan TUDM dan jurulatih.

